

UNIT 9

PENGASAS KESULTANAN MELAYU MELAKA




NOTA EFEKTIF

Kenali Pengasas Kesultanan Melayu Melaka




Terdapat dua buah buku yang merekodkan tentang pengasas Kesultanan Melayu Melaka



Sulalatus Salatin

Sultan Iskandar Shah ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Dikenali sebagai Sejarah Melayu yang naskhah asalnya ditulis oleh Tun Sri Lanang



Suma Oriental

Parameswara ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Merupakan sumber Portugis yang ditulis oleh Tome Pires

Latar Belakang Parameswara



- Parameswara ialah putera kerajaan Melayu dari Palembang.
- Kerajaan Majapahit mahu menyerang Palembang kerana Parameswara cuba membebaskan Palembang daripada jajahan Majapahit.
- Parameswara bersama-sama dengan pengikut beliau meninggalkan Palembang dan menuju ke Temasik kerana diserang oleh Majapahit.
- Pengalaman Parameswara sebagai pemimpin yang bijaksana menyebabkan beliau mendapat sokongan pembesar dan pengikut yang setia.



Pengembaraan Parameswara Membina Kerajaan

1. Parameswara dan pengikutnya menaiki kapal menuju ke Temasik dan bertemu dengan Temagi. Temagi merupakan wakil kerajaan Siam yang memerintah Temasik.
2. Kedatangan Parameswara disambut baik oleh Temagi. Parameswara diizinkan oleh Temagi untuk menetap di Temasik.
3. Parameswara mendapati Temasik sesuai untuk dijadikan kerajaan kerana kedudukannya yang strategik.
4. Parameswara merancang serangan ke atas Temagi kerana Parameswara hendak menjadi pemerintah di Temasik. Temagi telah dibunuh.
5. Pemerintah Siam ingin menuntut bela dengan hutang darah di atas kematian Temagi.
6. Parameswara berundur ke Muar bersama-sama pengikutnya kerana Siam telah menyerangnya.
7. Parameswara dan pengikutnya meninggalkan Muar dan meneruskan perjalanan ke Sening Ujong.
8. Parameswara melantik seorang wakil pemerintah di Sening Ujong.

Peristiwa Pembukaan Melaka

1. Parameswara dan pengikutnya belayar meninggalkan Sening Ujong dan sampai ke muara Sungai Bertam.
2. Parameswara ternampak sebuah perkampungan nelayan lalu singgah di situ.
3. Parameswara dan pengikutnya keluar berburu. Parameswara menyaksikan anjing perburuannya ditendang oleh seekor pelanduk putih sehingga jatuh ke dalam sungai.
4. Parameswara berpendapat tempat itu sungguh bertuah dan sesuai dijadikan kerajaan apabila melihat seekor haiwan yang kecil berjaya mengalahkan haiwan yang lebih besar.
5. Parameswara mengambil keputusan untuk membuka sebuah kerajaan baharu sempena dengan nama pokok Melaka tempat baginda berteduh.



Asal Usul Nama Melaka daripada Pelbagai Sumber

Sulalatus Salatin

Menceritakan bahawa nama Melaka berasal daripada pokok Melaka, tempat Parameswara bersandar ketika pelanduk putih menendang anjingnya.

Sumber Arab

Menyebut Melaka sebagai *Malakat* yang bermaksud perhimpunan segala dagang.

Sumber India

Mengikut mitos Hindu menyatakan Melaka disebut *Amalaka*, iaitu pokok pertama yang tumbuh di alam semesta.

Suma Oriental

Nama Melaka berasal daripada perkataan *Malaga* yang bermaksud tempat perlindungan.

Keistimewaan Melaka Semasa Pemerintahan Parameswara

Terlindung daripada Angin Monsun

Perairan Selat Melaka terlindung daripada tiupan angin monsun yang membolehkan kapal-kapal belayar dengan selamat.

Kedudukan yang Strategik

Melaka berada pada kedudukan yang strategik di antara jalan laut timur dan barat. Kedudukan yang strategik ini menarik minat para pedagang untuk singgah berdagang.

Kebijaksanaan Pemerintah

Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan pentadbiran yang cekap dan terbuka. Keterbukaan ini juga menarik minat kerajaan asing untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Melaka.